



MAHASISWA UMP mengadakan persembahan selepas perasmian Santai Seni Warisan di Pekan River Front.



ANTARA persembahan yang dibuat ketika majlis Expoconvo UMP.

Shahrinnahar Latib
cnews@nstp.com.my

EXPOCONVO MERIAH

■ 1,000 sertai program Santai Seni Warisan

Pekan

Kira-kira 1,000 pengunjung hadir pada program Santai Seni Warisan sempena menyemarakkan Ekspo Konvokesyen (Expoconvo) Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Pekan River Front di sini, malam semalam.

Program julung kali diadakan di Pekan River Front itu

menggabungkan pelbagai acara termasuk permainan tradisional, pertandingan mewarna kanak-kanak dan persembahan kesenian.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, program itu membolehkan pengunjung termasuk penduduk setem-

pat mengenali UMP dengan lebih dekat, khususnya keunikan universiti berkenaan.

Katanya, UMP menghargai

kerjasama Majlis Daerah Pekan (MDP) dan agensi lain yang terbabit dalam menjayakan program ini terutama berkaitan inisiatif yang berimpak tinggi kepada pembangunan sosioekonomi setempat.

"UMP ingin berkongsi kegembiraan atas pencapaian cemerlang universiti. Jika sebelum ini kampus UMP menjadi antara mercu tanda utama Pekan, kini warga Pekan boleh berbangga kerana UMP baru sahaja disenaraikan oleh QS University Rankings sebagai universiti teknikal terbaik di Malaysia dan antara 188

universiti terbaik di Asia," katanya ketika berucap pada majlis perasmian program berkenaan.

Daing Nasir berkata, kejayaan, pencapaian dan pengiktirafan antarabangsa itu mampu meningkatkan lagi prestij UMP sebagai mercu tanda Pekan yang pastinya menjadi kemegahan warga daerah ini.

Sementara itu, Pengarah Program Expoconvo 2018, Siti Aishah Darmawansyah berkata, Expoconvo tahun ini menampilkan pelbagai aktiviti yang boleh disertai segenap lapisan masyarakat.